

KUALA LUMPUR, 23 OKT. (BERNAMA) -- MALAYSIA ADALAH NEGARA PENGILANG YANG KELAPAN BESARNYA DI KALANGAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN DI MANA BARANG-BARANG KELUARAN KILANG MERUPAKAN EKSPORT BARU NEGARA YANG KETIGA DAN PALING DINAMIK, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BERUCAP MELANCARKAN SYARIKAT INSURAN KREDIT EKSPORT MALAYSIA, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA EKSPORT BARANG-BARANG YANG DIKILANG TELAH BERTAMBAH SEBANYAK ENAM SETENGAH KALI GANDA DARI 1968 HINGGA 1977.

IA BERTAMBAH DARI \$430 JUTA HINGGA \$2,800 JUTA YANG MERUPAKAN KIRA-KIRA 19 PERATUS DARI JUMLAH HASIL EKSPORT NEGARA INI BERBANDING DENGAN 10 PERATUS PADA TAHUN 1968.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERKATA TEKANAN SEKTOR PERKILANGAN TELAH BERTUKAR DARI IMPORT GANTIAN KEPADA INDUSTRI-INDUSTRI YANG MENGGUNA TEKNOLOGI TINGGI YANG BERORIENTASIKAN EKSPORT.

KATANYA, 10 TAHUN LALU BARANG-BARANG PETROLIUM MERUPAKAN 40 PERATUS DARI JUMLAH EKSPORT BARANG-BARANG YANG DIKILANG.

— BERSAMBUNG 1445/SZ

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

BAHAGIAN INI KINI SUDAH TURUN CUMA DI BAWAH 4 PERATUS MANAKALA EKSPORT YANG MENGGUNAKAN BANYAK PEKERJA SAPERTI ALAT-ALAT JENTERA DAN PENGANGKUTAN, ELEKTRONIK, BARANG-BARANG KEJURUTERAAN TINGAN, KAIN DAN KASUT TELAH TUMBUH DENGAN PESATNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEKTOR EKSPORT DIJANGKA MENJADI SUMBER UTAMA PERTUMBUHAN EKONOMI DIBAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA.

PERTUMBUHAN HASIL EKSPORT TAHUN YANG DIJANGKAKAN IALAH KIRA-KIRA 13.4 PERATUS, DENGAN NILAI MATLAMAT KASAR EKSPORT SEBANYAK \$17,193 MENJELANG AKHIR TEMPOH TERSEBUT.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA DIJANGKA MENCAPAI JUMLAH EKSPORT KASAR SEBANYAK \$16,320 JUTA TAHUN INI, BERBANDING DENGAN \$14,971 JUTA DAN \$13,442.9 JUTA PADA TAHUN 1977 DAN 1976.

ANGKA BAGI TEMPOH DARI BULAN JANUARI HINGGA MEI TAHUN INI IALAH \$5,228 JUTA YANG MERUPAKAN SATU KERIBUKAN DARI JUMLAH BAGI TEMPOH YANG SAMA TAHUN LALU. — BERSAMBUNG 1447/SZ

B526

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

KATANYA, WALAUPUN TINDAKAN-TINDAKAN DAN GALAKAN UNTUK MENGGALAKKAN EKSPORT DAN INDUSTRI BERORIENTASIKAN EKSPORT TERUS DISEDIAKAN OLEH KERAJAAN, INI TIDAK MELIPUTI PENUH URUSAN-URUSAN PENGANGKUTAN YANG SEBENAR DIMANA PARA PENGEKSPORT TERPAKSA MENGHADAPI BANYAK RISIKO DAN BAHAYA.

MEMANDANGKAN INILAH KERAJAAN TELAH MENUBUHKAN SYARIKAT INSURAN KREDIT EKSPORT (MECIB) UNTUK MEMBERI JAMINAN KEPADA KEPENTINGAN PARA PENGEKSPORT.

SEKIM-SEKIM INSURAN KREDIT EKSPORT TELAH MENJADI SEBAHAGIAN DARI RANCANGAN GALAKAN EKSPORT KERAJAAN DI BEBERAPA BUAH NEGARA KERANA KESEDARAN BAHAWA PASARAN EKSPORT DUNIA, TERUTAMA BAGI BARANG-BARANG BUATAN TELAH MENJADI LEBIH BERSAINGAN.

PERSAINGAN YANG BERJAYA BERGANTUNG BUKAN SAHAJA KEPADA MUTU DAN HARGA BARANG-BARANG TETAPI JUGA KEUPAYAAN MENYEDIAKAN SYARAT-SYARAT KREDIT YANG LEBIH BAIK, TAMBAH DATUK SERI DR. MAHATHIR.

PROSES MENYEDIAKAN KREDIT KEPADA PASARAN-PASARAN LUAR NEGERI BAGAIMANA PUN MELIBATKAN RISIKO-RISIKO YANG LEBIH BESAR BAIK SECARA PERDAGANGAN DAN POLITIK SERTA EKONOMI DAN PARA PENGEKSPORT SUDAH TENTU ENGGAN MENGAMBIL LEBIH BANYAK RISIKO TERUTAMA BERDASARKAN FAKTOR-FAKTOR YANG DILUAR KUASA MEREKA ATAUPUN DI PIHAK PEMBELI.

— BERSAMBUNG 1450/SZ

22

B526

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEKIM-SEKIM ITU YANG DISEDIAKAN OLEH SYARIKAT TERSEBUT AKAN MELINDUNGI KEMUNGKINAN KERUGIAN BESAR DISEBABKAN RISIKO PEMBAYARAN SERTA MEMBOLEHKAN MEREKA MEMASUKI PASARAN BARU DAN BIDANG-BIDANG BARU EKSPORT DENGAN LEBIH YAKIN.

SEKIM ITU JUGA AKAN MEMBANTU PARA PENGEKSPORT MENDAPATKAN WANG BIAYA UNTUK EKSPORT DARI BANK-BANK PERDAGANGAN KERANA LIPUTAN INSURAN TERMASUKLAH CAGARAN TAMBAHAN KEPADA BANK.

BELIAU YAKIN LANGKAH ITU AKAN MENGGALAKKAN PENYERTAAN YANG LEBIH OLEH BANK-BANK PERDAGANGAN DALAM PROSES MEMBIAYAI EKSPORT DAN MENGEMBELINGKAN WANG YANG MUNGKIN TIDAK AKAN DIGUNA UNTUK TUJUAN ITU. -- BERNAMA 1452/SZ

MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR (SAMBUNGAN BERITA B526)

KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, TAN SRI NASRUDDIN MOHAMED YANG JUGA Pengerusi Syarikat Insuran Kredit Ekspor Malaysia Berhad berkata, syarikat itu setakat bulan lalu telah menjual polisi-polisi bernilai \$84 juta kepada 15 buah syarikat.

Jumlah ini melebihi matlamat \$50 juta hingga akhir tahun ini.

Syarikat itu adalah satu usahasama antara sektor awam dengan swasta dengan kerajaan memegang saham ekuiti sebanyak 50 peratus.

Sejumlah 36 buah bank perniagaan di Malaysia memegang saham 40 peratus sementara 10 peratus lagi dipegang oleh 58 buah syarikat insuran di negara ini.

Syarikat itu mempunyai modal yang dibenarkan sebanyak \$150 juta dan modal yang telah dibayar sehingga akhir bulan lalu ialah kira-kira \$5 juta.

Menurut artikel persatuan, syarikat itu boleh memberi perlindungan sehingga 25 kali ganda modalnya yang telah dibayar. -- BERNAMA